

Headline **CDI, Frim jalin kerjasama**
Date **03 Jun 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **N18**
Article Size **213 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,172**
PRValue **3,515**



CDI, Frim jalin kerjasama

CDI dapat hak eksklusif komersialkan palet TRAW

TUAN BUQHAIKRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

CHE Dzayauddin Ishak Sdn Bhd (CDI) mendapat hak eksklusif untuk mengkomersialkan palet 'Torrefied Acacia Wood (TRAW) melalui perjanjian perlesenan teknologi dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) selama sepuluh tahun.

Pengerusi CDI, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh berkata, palet TRAW diperbuat daripada kayu akasia hasil daripada usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) Frim.

"Ia bertujuan untuk menambahbaikkan nilai serta penggunaan nilai dan kayu akasia yang selama ini hanya digunakan untuk membuat cip kayu namun dengan penyesuaian beberapa proses melalui industri seramik, Frim berjaya menghasilkan TRAW sebagai bahan api



● Abd Latif (kiri) bersalaman dengan Che Dzayauddin selepas selesai menandatangani perjanjian.

bio yang efisien," katanya.

Menurutnya, sebagai pemegang lesen eksklusif, CDI akan mempromosikan serta mengkomersialkan TRAW yang dihasilkan secara efisien dengan menggunakan Airless Technology.

"CDI adalah syarikat kontrak dan kejuruteraan yang menyediakan solusi

komprehensif berkenaan pembaharuan tenaga.

"Idea asas di sebalik inovasi ini adalah untuk meningkatkan penggunaan sumber tenaga kerja yang baru, lebih berkesan, jimat dan mesra alam," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara CDI dan Frim di Kepong, semalam.

Turut hadir Pengarah Urusan CDI, Datuk Dr Abdul Latif Mohmod dan Pengarahnya Datuk Che Dzayauddin Ishak.

Beliau berkata, antara faedah pengkomersialan TRAW adalah menubuhkan kilang yang berkeupayaan menghasilkan 100,000 tan palet setahun.

"TRAW juga boleh menggantikan kayu arang dan palet kayu lain kerana TRAW adalah palet arang bio yang stabil, hidrofobik dan menyerap kelembapan tiga hingga lima peratus apabila disimpan di luar.

"Proses 'torrefaction' telah berkembang menjadi inovasi tenaga bio yang memberangsangkan dan penggunaan biomas serta arang batu tidak lagi penting berbanding produk-produk 'torrefield' di masa hadapan sekiranya CDI berjaya dalam usaha komersial ini," katanya.